

# MASJID D'RAJA KELANTAN



مجلس اكلام اسلام دان عادة استعادة ملايو كلنتن  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN



Penerbitan Percuma Bilangan (55)

# MASJID D'RAJA KELANTAN

*Disemak oleh:*

AF. Hj. Muhammad Hana Pizi bin Abdullah

Imam Besar

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Dikeluarkan oleh:  
**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,**  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7481512  
Faks: 09-7485512  
Portal Rasmi: [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my)  
Email: [maik@e-maik.my](mailto:maik@e-maik.my)

Cetakan Pertama ..... 2014

Dicetak oleh:  
**Percetakan Dian Darulnaim Sdn. Bhd.**  
Lot 890A, Jalan Tengku Mohd Maasum,  
Pasir Hor 15150 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 609 765 3510 / 765 5510 Faks: 609 965 7510

## Isi Kandungan

Pengenalan	7
Masjid D'Raja Long Yunus, Langgar	9
Masjid Sultan Muhammad I, Jeli	11
Masjid Sultan Muhammad II, Telipot	14
Masjid Sultan Muhammad III, Pasir Mas	17
Masjid Sultan Mansor, Kampung Sireh	20
Penutup	22



## PENGENALAN

*“Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesiapa pun) selain Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk”.*

(Surah At-Taubah: ayat 18)

Masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud. Perkataan masjid berasal dari perkataan Arab sajada, yasjudu, sujudan. Sujud dalam pengertiannya bererti patuh dan menghina diri dengan meletakkan dahi ke bumi sebagai tanda pengabdian diri kepada Allah S.W.T. Masjid yang dikaitkan dengan sujud juga memberikan beberapa pengertian, antara lain rasa penghormatan, kesedaran terhadap kekhilafahan, kemahuan mengikut atau menyesuaikan dengan ketetapan Allah S.W.T. iaitu sunnatullah dan sebagainya.

Kesemua pengertian di atas memberikan gambaran betapa perlunya institusi masjid diurus dengan mapan untuk mencapai tahap ubudiyah tersebut. Justeru, ianya menuntut supaya pengurusan masjid perlu diperkasakan seiring arus perkembangan zaman.

Dalam konteks pengurusan masjid di negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang dinaungi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Muhammad V adalah badan yang diamanahkan mengurus tadbir hal ehwal masjid sentiasa mengambil langkah pro-aktif membangun dan mengimarahkan masjid.

Bernaung di bawah institusi raja, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berhasrat untuk menzahirkan penghormatan di atas peranan Sultan-sultan dan Yang DiPertuan Negeri terdahulu dalam memartabat dan memayungi agama Islam untuk kesejahteraan rakyat jelata. Hasrat murni

ini dijelmakan dengan usaha menyelaraskan nama kesemua masjid-masjid bandar dan jajahan di negeri ini dengan nama Sultan-sultan dan Yang DiPertuan Negeri yang memerintah negeri Kelantan.

Dengan ampuni perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah menamakan semula masjid-masjid berikut:-

- Masjid Bandar Langgar ~ Masjid D'Raja Long Yunus, Langgar, Kota Bharu
- Masjid Jajahan Jeli ~ Masjid Sultan Muhammad I, Jeli.
- Masjid Bandar Telipot ~ Masjid Sultan Muhammad II, Telipot, Kota Bharu
- Masjid Bandar Pasir Mas ~ Masjid Sultan Muhammad III, Pasir Mas
- Masjid Kampung Sireh ~ Masjid Sultan Mansor, Kampung Sireh, Kota Bharu.

Nama-nama baginda Sultan ini diabadikan sebagai tanda ingatan buat tatapan generasi muda dan generasi di hari muka, agar susur galur sejarah tanah tumpah negeri bertuah tidak dilupakan.

## **MASJID D' RAJA LONG YUNUS (MASJID LANGGAR)**

Masjid Langgar dibina pada akhir tahun 1870-an. Terdapat sebuah kawasan pemakaman bersebelahan masjid ini, iaitu makam yang dikhususkan untuk kaum kerabat D'Raja Kelantan. Menurut sejarah, selepas kemangkatan al-Marhum Long Yunus di Pengkalan Galoh, Kampung Sireh, baginda telah dimakamkan di kawasan yang digelar "Langgar". Masjid ini kemudian dibina berdasarkan nama kawasan pemakaman tersebut.

### **Pertukaran Nama - Masjid D'Raja Long Yunus**

Nama Masjid Langgar ditukarkan kepada nama Masjid D'Raja Long Yunus adalah sempena nama Baginda sebagai Pengasas dinasti raja-raja pemerintah Kelantan.

Baginda Long Yunus ialah pengasas dinasti raja-raja pemerintah Kelantan sekarang. Nama lengkap baginda ialah Long Yunus bin Long Sulaiman. Ayahnda baginda – Long Sulaiman – ialah raja pemerintah Kelantan antara tahun 1735 hingga 1756 sebelum terbunuh sewaktu mempertahankan Negeri Kelantan dari serangan Legeh pada tahun berkenaan (makamnya terletak di Kampung Dusun Langgar, Wakaf Bharu).

Pada tahun 1759, Long Yunus dengan bantuan sahabatnya Long Ghafar dan Yang Dipertuan Terengganu – Sultan Mansor I – berjaya mengalahkan Raja Kota Kubang Labu yang disokong oleh Legeh, Long Pandak, lalu mengasaskan sebuah kesultanan yang baharu di Kelantan pada 1765.

Long Yunus mangkat pada 1795 dalam usia tua – 93 tahun – dan dikebumikan di Kampung Paya Dermin (sebelum berubah nama kepada Kampung Langgar kerana adanya makam D'Raja di sini, betul-betul di sebelah barat Masjid Langgar yang siap dibina pada 1874.



Masjid D'Raja Long Yunus, Kota Bharu



Ruang tempat sembahyang Masjid D'Raja Long Yunus

## **MASJID SULTAN MUHAMMAD I (MASJID JAJAHAN JELI)**

Masjid yang dikenali sebagai Masjid Jajahan Jeli adalah Masjid utama yang terletak di dalam Jajahan Jeli negeri Kelantan. Masjid ini dibina pada awal tahun 1982 adalah atas inisiatif pihak KESEDAR dan penduduk setempat. Masjid ini telah siap dibina dan digunakan dalam tahun 1982 dengan kos perbelanjaan lebih kurang RM200 ribu.

Masjid ini kini berada di bawah pengawasan dan pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Pihak MAIK telah melantik Ahli Jawatankuasa Kemajuan Agama Masjid Jajahan yang dipengerusikan oleh Ketua Jajahan bagi menguruskan hal ehwal masjid serta pengimarahannya agar dapat berfungsi dengan sempurna.

Dari segi struktur bangunan masjid yang mempunyai ruangan yang luas telah dimanfaatkan oleh ahli jemaah dan juga para pelajar sekolah yang berada di sekitar masjid tersebut supaya dapat menjalani ibadat di samping duduk beriktikaf di masjid.

### **Pertukaran Nama - Masjid Sultan Muhammad I**

Nama Masjid Bandar Jeli ditukarkan kepada nama Masjid Sultan Muhammad I adalah bersempena nama Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Kelantan.

Baginda adalah Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Kelantan bagi tempoh tahun 1801 sehingga 1837. Baginda tidak lain ialah anakanda kepada Long Yunus bin Long Sulaiman iaitu Pengasas Dinasti Raja-raja Kelantan yang ada sekarang. Meskipun menjadi anak kepada Long Yunus, namun untuk merajai Negeri Kelantan, Baginda terpaksa terlebih dahulu "bertumpah darah" melawan ipar Baginda iaitu Tengku Muhammad bin Tuah Dalam @ Sultan Mansor I yang enggan melepaskan takhta yang disandangnya kepada Long Muhammad.

Selepas menaiki takhta Kelantan, Long Muhammad yang bergelar Sultan Muhammad I telah berjaya meletakkan negeri Kelantan pada suatu keadaan yang stabil dan kukuh. Selain berjaya menundukkan lawan-lawan politiknya, Sultan Muhammad I juga menjadi Sultan Kelantan yang pertama mengadakan hubungan diplomatik dengan negara jiran pada waktu itu negara Siam. Melalui hubungan yang dimeterai pada 1814 inilah, negeri Kelantan mula mengirimi bunga mas setiap tiga tahun sekali kepada negara Siam sebagai tanda persahabatan sekaligus sebagai jaminan perlindungan daripada ancaman Terengganu.

Semasa pemerintahan Baginda Sultan Muhammad I menaiki takhta Baginda adalah seorang raja yang suka berbuat amal kebajikan. Setiap tahun Baginda Sultan Muhammad I mengeluarkan sedekah dan khairat untuk faedah rakyat di dalam dan luar Negeri Kelantan, untuk luar negeri Baginda bermurah hati mendirikan rumah-rumah wakaf di Makkah, Jeddah dan Madinah.

Setelah memerintah selama 36 tahun, maka Baginda Long Muhammad yang bergelar Sultan Muhammad I itu pun jatuh gering dan mangkat pada tahun 1837M (29 safar 1251H). Baginda mangkat dengan meninggalkan jasanya yang besar yang tidak ternilai harganya, terutama sekali sebagai wira yang telah berkorban mempertahankan takhta kerajaan negeri Kelantan terus berkekalan berada dalam kekuasaan pewaris takhta yang berhak mewarisinya dengan menggadai nyawa Baginda sendiri dan dengan semangat yang gigih dan penuh keperwiraan. Sebagai mengingati jasanya yang besar itu, pewaris takhta yang kemudian, iaitu Sultan Muhammad IV telah mewujudkan "Bintang Darjah Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia" yang dinamakan "Al-Muhammadi" mengambil sempena nama Baginda Sultan Muhammad I.



Masjid Sultan Muhammad I, Jeli Kelantan



Ruang tempat letak kenderaan yang luas.

## **MASJID SULTAN MUHAMMAD II (MASJID TELIPOT)**

Masjid ini dibina pada tahun 1978 di Kampung Telipot, dalam bandar Kota Bharu. Masjid ini didirikan di atas tapak bekas Pejabat Pertanian yang terletak di Jalan Telipot, kepunyaan Kerajaan Negeri.

Pembinaan masjid yang menelan belanja sebanyak RM400,000 dapat menampung kira-kira seribu orang ahli jemaah pada satu-satu masa. Keluasan tapak masjid ini adalah lebih luas daripada Masjid Langgar iaitu seluas 750 depa.

### **Pertukaran Nama - Masjid Sultan Muhammad III**

Nama Masjid Bandar Telipot ditukarkan kepada nama Masjid Sultan Muhammad II adalah sempena nama Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Kelantan.

Sultan Muhammad II ialah raja pemerintah Kelantan bagi tempoh 1838 hingga 1886. Nama lengkap baginda ialah Tuan Senik bin Long Tam bin Long Yunus, atau kadang-kadang dipanggil juga Tuan Senik Kampung Sireh. Sewaktu merajai Negeri Kelantan dengan nama Sultan Muhammad II, baginda dikenali di kalangan rakyat Kelantan dengan nama jolokan "Sultan Mulut Merah".

Pada tahun 1838, baginda melancarkan perang saudara bagi merebut takhta Kelantan daripada bapa saudaranya – Raja Bendahara Long Jenal. Berkat kegigihan tentera dan sokongan kuat pasukan sekutunya, ditambah dengan faktor sokongan Siam yang berpihak kepada baginda, baginda akhirnya berjaya menggulingkan Raja Bendahara Long Jenal pada pertengahan 1839. Baginda memerintah Kelantan dalam tempoh yang agak lama, iaitu sehingga 1886 sebelum mangkat dan digantikan oleh anaknda baginda, Tuan Sulong @ Sultan Ahmad (1886 – 1890).



Masjid Sultan Muhammad II, Telipot



Mimbar Masjid Sultan Muhammad II yang digunakan ketika membaca khutbah.

## **MASJID SULTAN MUHAMMAD III (MASJID BANDAR PASIR MAS)**

Masjid jajahan Pasir Mas adalah Masjid utama yang terletak dalam Jajahan Pasir Mas. Masjid yang dibina pada tahun 1937 telah beberapa kali mengalami perluasan dan pengubahsuaian, dengan yang terakhirnya ialah pada tahun 1984.

Masjid Bandar Pasir Mas kini juga berada di bawah pengawasan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Namun begitu pihak MAIK telah melantik Ahli Jawatankuasa Kemajuan agama Masjid yang dipengerusikan oleh Ketua Jajahan bagi menguruskan masjid dari sudut pentadbiran dan pengurusan agar masjid dapat berfungsi dengan baik sebagaimana yang dikehendaki.

Ruangan masjid yang luas telah dimanfaatkan dengan beberapa kemudahan seperti penyediaan sebuah perpustakaan mini (Kutub Khanah) untuk kegunaan ahli jemaah dan juga para pelajar sekolah di sekitar masjid tersebut bagi mengisi masa lapang mereka di samping duduk beriktikaf di masjid serta menambah ilmu pengetahuan.

### **Pertukaran Nama - Masjid Sultan Muhammad III**

Nama Masjid Bandar Pasir Mas ditukarkan kepada nama Masjid Sultan Muhammad III adalah sempena nama Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Kelantan.

Baginda Sultan merupakan anaknda kepada Sultan Ahmad. Nama tubuh baginda yang sebenar adalah Long Kundur. Baginda memerintah Negeri Kelantan antara tahun 1890 sehingga 1891.

Walaupun pemerintahan Baginda sangat singkat namun begitu terdapat beberapa kemajuan juga telah dicapai di zaman pemerintahan Baginda. Baginda juga menjalankan pemerintahan mengikut hukum syarak, dimana pencuri-

pencuri yang didapati bersalah akan dipotong tangannya. Penguatkuasaan undang-undang ini telah menyebabkan negeri Kelantan menjadi aman daripada pencuri-pencuri atau lain-lain pelakuan jenayah yang boleh mengancam kesejahteraan negeri kerana para penjenayah tidak lagi berani melakukan kegiatan haram. Sekiranya ditangkap dan disabitkan kesalahannya di sisi undang-undang, mereka bakal berdepan dengan hukuman berdasarkan undang-undang syar'iyah.

Baginda Sultan Muhammad III juga memerintah supaya dibina rumah-rumah ibadah untuk orang-orang Islam seperti mendirikan masjid, surau dan madrasah.

Pemerintahan Sultan Muhammad III berjalan dengan adil, menyebabkan negeri Kelantan bertambah maju dengan pesatnya, banyak jalanraya dibuka, hutan belantara ditebas dan ditebang untuk dijadikan sawah padi dan kebun-kebun buah-buahan dan sayur-sayuran yang boleh memberi sumbangan kepada ekonomi Negeri Kelantan dan rakyatnya.

Selepas lebih kurang setahun memerintah negeri Kelantan, Baginda Sultan mangkat pada malam Isnin 11 Mei 1891. Baginda digantikan oleh adinda Baginda iaitu Raja Muda Long Mansor dengan gelaran Raja Kelantan (sehingga 1898) dan kemudiannya Sultan Kelantan (1898 -1900)



Masjid Sultan Muhammad III, Pasir Mas.



Ruang masuk pintu masjid yang luas dan bersih memberi kesenangan kepada para jemaah yang hadir.

## **MASJID SULTAN MANSOR (MASJID KAMPUNG SIREH)**

Masjid ini siap dibina pada 1 Februari 1985. Ia dirasmikan pada 5 April 1985 oleh KDYMM Sultan Ismail Petra. Masjid ini pada mulanya diberi nama Masjid Kampung Sireh, bersempena dengan nama kampung tempat masjid ini dibina, iaitu Kampung Sireh. Pada bulan Oktober 2013 nama masjid ini ditukar kepada Masjid Sultan Mansor mengambil sempena nama salah seorang daripada raja-raja pemerintah Kelantan.

Masjid Sultan Mansor terletak di Jalan Kampung Sireh, Kota Bharu, Kelantan. Lokasi Masjid ini sangat strategik kerana kedudukannya dalam Bandar Kota Bharu dan berdekatan dengan jalan-jalan utama, di samping berada di tengah-tengah laluan perjalanan kenderaan awam seperti bas dan kereta sewa melalui tempat-tempat seperti Kampung Pintu Geng, Kampung Kota, Kampung Wakaf Che Yeh, Bunut Payong, Kubang Kerian, Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan lain-lain tempat.

### **Pertukaran Nama - Masjid Sultan Mansor (Masjid Kampung Sireh)**

Nama Masjid Kg. Sireh ditukarkan kepada nama Sultan Mansor. Long Mansor adalah saudara kepada Long Kundur, putera Long Ahmad (Sultan Ahmad). Baginda Long Mansor menaiki takhta kerajaan pada tahun 1890M bila Long Kundur (Sultan Muhammad III) mangkat, kerana pada masa itu putera almarhum Sultan Muhammad III, iaitu Long Senik masih lagi kecil. Pada mulanya Baginda Long Mansor menaiki takhta kerajaan dengan gelaran "Raja Kelantan" sahaja, hanya pada tahun 1898M barulah Baginda dipanggil "Sultan Kelantan", namun begitu Baginda lebih suka dipanggil dengan gelaran "Raja Kelantan" juga.

Sultan Mansor yang mempunyai semangat keislaman itu telah membuat peraturan pakaian kepada rakyat Negeri Kelantan Darulnaim, untuk lelaki dan wanita di mana pada tahun 1898M (1316H) Baginda telah menetapkan supaya

setiap orang Islam hendaklah berpakaian yang menutup aurat, dengan meninggalkan pakaian tradisional yang mendedahkan selama ini. Baginda memerintah supaya wanita Islam Kelantan memakai kain sarung, baju kurung dan sehelai kain tudung kepada untuk mengganti pakaian tradisional wanita Kelantan ketika itu, iaitu kain sarung dan berkemban; kepada lelaki Islam pula Baginda menetapkan pakaiannya ialah kain sarung dan bajuk teluk belanga, menggantikan pakaian tradisional lelaki, iaitu berkain sarung, berikat bengkung dengan kain lepas yang diselitkan dengan sebilah keris dan sehelai tengkolok (kain setangan isih) di kepada. Mana-mana orang Islam yang tidak mematuhi perintah itu dan keluar ke jalan-jalan raya, mereka akan dilumurkan dengan belangkin di situ juga sebagaimana diperintahkan oleh Baginda.

Baginda mangkat pada hari Khamis 10hb. Februari, 1899M (8 Syawal 1317H) di Istana Jahar, Kota Bharu, setelah jatuh gering diserang demam yang berpanjangan tanpa sembuh hingga ke akhir hayat Baginda. Jenazah Baginda dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar, Kota Bharu.



Masjid Sultan Mansor (Masjid Kampung Sireh, Kota Bharu)



Papan tanda baru Masjid Sultan Mansor yang telah ditukar.

## PENUTUP

Nama-nama baru masjid yang terakam dalam risalah kecil ini mempunyai signifikannya yang tersendiri. Masjid yang diberi nama ini adalah Masjid D'Raja Long Yunus, Langgar; Masjid Sultan Muhammad I; Jeli, Masjid Sultan Muhammad II, Telipot; Masjid Sultan Muhammad III, Pasir Mas dan Masjid Sultan Mansor, Kampung Sireh. Nama-nama masjid ini diambil sempena nama Yang Di-Pertuan Negeri Kelantan atas dasar sumbangan baginda dalam menegakkan syiar Islam di negeri ini.

Nama-nama Sultan ini diungkapkan dan diterjemahkan dalam bentuk simbolik sebagai pengabdian diri seorang hamba kepada khaliqnya. Secara tidak langsung, rakyat akan mengetahui tentang sejarah pemerintahan negeri Kelantan pada masa lalu. Perkara ini penting bagi pengekalan jati diri bangsa Melayu yang terasnya Islam terus terpilihah dan terjaga.

Melalui pengabdian nama-nama besar baginda sultan pada masjid ini, insya-Allah akan dapat membina satu ukhuwah yang teguh diantara Islam, Raja dan Rakyat sesuai dengan slogan "Islam Dihayati, Raja Ditaati, Rakyat Dinaungi" agar dapat lebih menghayati keutuhan ketamadunan Islam di Kelantan Darul Naim.





**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan**

Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7481512 Faks: 09-7485512

Portal Rasmi: [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my)

Email: [maik@e-maik.my](mailto:maik@e-maik.my)